

07 OCT 1998

SEBAB JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI TIDAK DIISI

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri buat sementara waktu ini ialah untuk mengelak tanggapan kononnya beliau menyokong orang yang dilantiknya itu untuk menjadi Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti tahun depan, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata bahawa Majlis Tertinggi Umno pada mesyuaratnya malam tadi bersetuju dengan keputusan itu bagi mengelak salah tafsiran kononnya orang yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri seolah-olah mendapat sokongan peribadi Dr Mahathir selaku Presiden parti.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim awal bulan lepas, kerana menurut Dr Mahathir bekas timbalannya itu tidak layak memegang jawatan tersebut.

Majlis Tertinggi juga bersetuju supaya dua orang Naib Presiden Umno -- Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi -- menanggung tugas jawatan berkenaan.

"Dengan ini kedua-dua naib presiden ini akan menjalankan tugas sebagai pengerusi bersama Jawatankuasa-jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Umno," kata Sabbaruddin di pejabatnya hari ini.

Semasa ditanya sama ada pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden parti tahun depan terbuka kepada semua anggota, beliau berkata: "Apa akan berlaku esok dan hari-hari seterusnya bergantung kepada keadaan semasa."

-- BERNAMA

SJA MAI